

Hari Kualiti Mahasiswa KUIS rai mahasiswa asnaf cemerlang

August 15, 2017

OLEH HAFIZAN TAIB

(<https://selangorkini.my/2017/08/hari-kualiti-mahasiswa-kuis-rai-mahasiswa-asnaf-cemerlang/>)

BANDAR SERI PUTRA, 15 OGOS: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menganjurkan Hari Kualiti Mahasiswa (HKM) bagi meraikan mahasiswa dari kalangan asnaf fakir dan miskin yang mencapai keputusan cemerlang di kolej itu, baru-baru ini.

Majlis anjuran Kelab Asnaf D' KUIS dengan kerjasama Bahagian Zakat, Wakaf dan Infaq KUIS telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Rektor Pengurusan Korporat, Dr Zulkifli Abd Hamid dan berlangsung dengan dihadiri lebih 300 mahasiswa.

“Semoga semua mahasiswa asnaf terus cemerlang dari segi akademik dan sahsiah seterusnya melahirkan Daei, Ulama dan Umara.

“Kita juga menyeru masyarakat untuk terus yakin membayar zakat di KUIS bagi membantu pelajar asnaf fakir dan miskin untuk membantu mereka berjaya dalam pendidikan,” kata Dr Zulkifli yang juga Pengerusi Jawatankuasa Agihan Zakat KUIS ketika menyampaikan amanatnya dalam majlis berkenaan.

Pengarah Program, Amirul Hakim Abdullah berkata, program terbabit diadakan setiap tahun sebagai motivasi dan pengiktirafan kepada mahasiswa asnaf cemerlang dalam bidang akademik yang mencapai PNG 3.50 ke atas.

“Ia seterusnya adalah majlis pertemuan di antara mahasiswa asnaf untuk mengeratkan silaturrahim,” katanya.

Turut hadir, Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa dan Alumni KUIS, Dr Muhamad Shukri Abd Rahman dan Ketua Sektor Pendidikan Lembaga Zakat Selangor, Zaharuddin Salim serta hadirin lain.